

ISU DAKWAH DAN KEMANUSIAAN DALAM ERA

Globalisasi

MUHAMMAD YUSUF KHALID (Ph.D)
SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO (Ph.D)
MOHD RADHI IBRAHIM

Diterbitkan oleh

Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam
Kolej Universiti Islam Malaysia

2002

00177



KATA PENGANTAR



Dakwah pada masa kini boleh diterjemahkan sebagai usaha memperkenalkan Islam kepada umat manusia, agar mereka dengan jelas memahaminya dan dapat memberi respon yang positif tanpa ada kecurigaan dan keraguan. Nilai-nilai Islam yang banyak mengandungi konsep kemanusiaan dan pembangunan jati diri telah mendapat sambutan ramai di kalangan masyarakat moden. Walau bagaimanapun kajian dan penyelidikan mengenainya masih terhad dan terbuka luas untuk diperkenalkan melalui media yang sedia ada.

Buku yang bertajuk "Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam Era Globalisasi" adalah kumpulan sepuluh artikel pilihan yang ditulis oleh pensyarah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Perkara dan isu yang dibincangkan adalah masalah kemanusiaan yang perlu mendapat perhatian, kerana ia berkaitan dengan masyarakat moden di era globalisasi kini.

Masyarakat kini terdedah kepada rayuan dan tipu helah dakyah globalisasi, isu keselamatan sejagat sehingga segala aspek kehidupan manusia kini, baik sosial, ekonomi, politik dan agama semuanya terlibat dengan globalisasi. Maka artikel yang bertajuk "Globalisasi dan Keselamatan Sejagat dalam pandangan Islam" yang ditulis dalam Bahasa Arab telah menyentuh perkara ini. Pandangan Islam terhadap isu keselamatan sejagat amatlah jelas. Islam amat mementingkan keselamatan sejagat, tanpa mengira bangsa, budaya dan keyakinan agama. Islam tidak memaksakan satu-satu budaya dan tamadun. Malahan ia memberi kesempatan kepada mana-mana tamadun dan budaya berkembang mengikut perkembangan zaman dan bangsa yang memilikinya.

Konsep keterbukaan Islam seperti ini, amatlah berbeza dengan isu Globalisasi yang dikembangkan oleh Barat terutamanya Amerika.

Mereka, melalui isu ini menyerukan keselamatan sejagat dan pada masa yang sama, mereka seolah-olah memaksakan budaya dan tamadun mereka untuk dilaksanakan dan dikembangkan di merata tempat dan kawasan. Pada hal budaya dan tamadun mereka adalah sesuai untuk mereka dan belum tentu sesuai untuk masyarakat lain. Oleh yang demikian, kedatangan isu globalisasi bukanlah menjadi rahmat bagi alam sejagat. Berbeza dengan kedatangan Islam dengan sikap keterbukaannya ia telah terbukti menjadi rahmat bagi alam sejagat.

Makna dan fungsi salat sebagai pintu kebahagiaan umat Islam cuba dikemukakan melalui pandangan seorang ulama dan tokoh tafsir terkemuka, iaitu Fakhr al-Din al-Razi. Artikel yang bertajuk "Penafsiran al-Razi tentang salat dalam al-Qur'an" yang ditulis dalam Bahasa Inggeris telah mengupas secara mendalam mengenai perkara ini.

Mengikut al-Razi, makna salat dalam al-Qur'an meliputi 5 (lima) perkara, iaitu, salat wajib (lima waktu), berdoa (munajat), kepercayaan (iman), rendah diri dan khushu' serta selawat, pujian dan penghormatan. Walau bagaimanapun salat wajib adalah satu ibadah khusus yang memiliki fungsi kawalan bagi manusia supaya ia boleh hidup seimbang antara rohani dan jasmani, material dan spiritual.

Ibadah salat dan zakat tidak boleh dipisahkan kerana ia melambangkan kehidupan manusia yang meliputi kehidupan jasmaniah, rohaniah dan maliyah (harta). Justeru itu, dalam perintah salat, Allah menggunakan perkataan "dirikan salat" begitu juga tentang zakat, Allah memerintahkan "tunaikan zakat". Kerana mendirikan salat memerlukan kepatuhan jasmani dan rohani. Perintah "tunaikan zakat", memerlukan respon dalaman iaitu ketulusan hati dan respon luaran iaitu harta benda hasil usaha dan jerih payah manusia.

Maka artikel yang bertajuk "Pembaharuan Metodologi Dalam Pengajian Falsafah Islam" yang ditulis dalam bahasa Arab telah mengupas perkara berkenaan. Walaupun falsafah Islam telah berjaya menghasilkan budaya ilmu dalam Islam dan mengabadikan pelbagai ilmu kemanusiaan seperti ilmu Fiqh, ilmu tawhid, ilmu akhlak dan lainnya, namun dalam perkembangannya hingga kini telah mengalami kemunduran. Akibat daripada falsafah Islam terbungkalai, umat Islam kini tidak mampu lagi bersaing dengan umat lain di bidang pengembangan ilmu pengetahuan.

Oleh yang demikian, usaha pembaharuan metodologi dalam pengajian falsafah Islam di Era Globalisasi ini adalah mustahak.

Kerana munculnya pelbagai permasalahan kemanusiaan, di mana umat Islam seolah-olah tidak mampu menanganinya, menjadikan falsafah Islam dituntut sernula. Walau bagaimanapun, untuk memulai mencari, menganalisis mengenai perkara itu, seharusnya bermula dari mana?

“Kembalilah Kepada al-Qur’an” adalah satu slogan yang cukup menarik sejak diumumkannya ke arah kebangkitan umat Islam di awal kurun ke-15 tahun hijrah. Namun kembali kepada al-Qur’an dan menjadikannya sebagai panduan kehidupan tidak semudah apa yang diucapkan.

“Memahami al-Qur’an sebagai Pedoman Hidup” adalah satu tajuk artikel yang cukup menarik untuk disemak kerana peranan al-Qur’an sebagai pedoman kehidupan adalah merupakan asas kajian ini. Di samping itu, gejala negatif sebahagian umat Islam adalah berkaitan dengan tasawwur mereka terhadap al-Qur’an al-Karim menjadikan kajian ini penting.

Wal-hal, umat Islam perlu meyakini kedudukan al-Qur’an bagi mereka dan berusaha mempelajarinya bagi memahami isi kandungannya mengikut metodologi yang benar yang telah diiktiraf oleh ulama dan tokoh tafsir yang mu’tabar. Supaya mereka tidak terpesong dalam memahami dan mengamalkan nilai-nilai al-Qur’an.

Di antara kajian al-Qur’an yang menarik dewasa ini ialah kajian mengenai konsep kepimpinan dalam pengurusan. Artikel yang bertajuk “Konsep Kepimpinan Dalam Pengurusan Islam” menyahut kajian ini.

Pengertian kepimpinan yang dikaji melalui pandangan ulama dan pakar serta dikukuhkan dengan ayat-ayat al-Qur’an dan hadith Rasulullah, memberi keyakinan kepada umat Islam bahawa konsep kepimpinan yang dimiliki Islam boleh bersaing dan mungkin dapat menjadi alternatif bagi menangani persoalan kepimpinan dewasa ini.

Konsep kepimpinan dan pengurusan yang dikaji secara perbandingan dalam artikel ini membuka pintu bagi mereka yang ingin melihat sejauh mana keunggulan konsep kepimpinan dan pengurusan Islam.

Di antara ciri kepimpinan Islam yang ditemui dalam kajian ini adalah iltizam dan istiqamah dengan ajaran Islam, berusaha menegakkan kebenaran, memiliki sifat tawadu’ dan wara’ serta sifat ikhlas dan jujur, begitu juga sebagai seorang pemimpin ia mesti tabah, konsisten dan tegas pendirian.

Dalam pengembangan dan penyebaran dakwah Islam diperlukan pelbagai medium, sarana dan prasarana. Di antara media yang sering

dilupakan oleh umat Islam adalah peranan tarekat tasawwuf dalam pengembangan dakwah Islam. Malah tarekat tasawwuf sering dilihat sebagai prejudis oleh sebahagian umat Islam.

Oleh yang demikian, menatap artikel yang bertajuk "Peranan Tarekat Tasawwuf Dalam Dakwah Islam" boleh menginsafkan mereka untuk menilai semula gejala masyarakat Islam kini yang semakin berminat mengikuti tarekat tasawwuf ini. Kekeliruan dan fahaman negatif yang biasa timbul daripada ahli tarekat tasawwuf tidak boleh menjadi alasan atau hujah untuk menyalahkan institusi yang sudah baku yang telah wujud sejak lama dan terbukti telah berperanan dalam pengembangan dan pembangunan Islam dalam masyarakat.

Adalah menjadi kewajipan bagi para ulama dan tokoh Islam untuk turun ke lapangan menyaksikan amalan-amalan dan tradisi yang dianuti oleh pengamal tarekat tasawwuf agar ianya tetap berfungsi dengan aktif dalam membangunkan spiritual ummah, disamping memberi galakkan (motivasi) dalam pencerahan kehidupan baik material mahupun spritual.

Gejala sosial yang sering dipermasalahkan oleh masyarakat masa kini ternyata memerlukan suatu alternatif penyelesaian. Artikel yang bertajuk "Permasalahan Sosial dan Penyelesaiannya Mengikut Perspektif Islam" memberi satu penekanan kepada pripentingnya gejala sosial itu ditangani dengan bijaksana.

Sistem sosial dalam Islam tidak dimonopoli mana-mana skala masyarakat, sebaliknya ia memperjuangkan kebenaran dan juga menyokong semua golongan terutama yang tertindas. Dengan demikian, masalah sosial dalam pandangan Islam adalah berpunca dari nafsu jahat yang berada dalam diri manusia. Disamping itu, pengaruh syaitan, iblis dan jin termasuk juga faktor wujudnya gejala sosial di tengah masyarakat.

Artikel yang bertajuk "Pengaruh Syaitan, Iblis dan Jin Dalam Kehidupan Manusia" menunjukkan secara jelas betapa makhluk halus ini mampu berperanan dalam mengganggu kehidupan manusia yang lalai.

Oleh yang demikian, umat Islam, perlu peka terhadap perkara-perkara yang boleh menjadi asas munculnya gangguan makhluk tersebut. Dan seyogianya selalu mengawasi diri daripada melakukan amalan-amalan yang disukai oleh syaitan, iblis dan jin. Pelbagai benteng yang dapat menyelamatkan umat manusia dari gangguannya perlu diamati dalam artikel ini.

Pembentukan jati diri muslim adalah mustahak. Apatah lagi pelbagai cabaran telah timbul di era globalisasi ini telahpun memudahkan

jati diri umat Islam. Artikel yang bertajuk "Membentuk Jati Diri Muslim di Era Globalisasi" memaparkan tatacara pemuliharaan jati diri mengikut perspektif Islam.

Kini umat Islam sering dikaitkan dengan krisis identiti atau malapnya jati diri umat Islam akibat tingkah laku mereka yang tidak lagi mengendahkan penghayatan Islam dalam aspek kehidupan. Malahan mereka sudah tidak patuh lagi terhadap perintah dan larangan agama. Akibatnya kehidupan mereka tidak terkendali lagi dengan mengikut hawa nafsu dan terpengaruh dengan budaya asing yang bercanggah dengan akidah mereka.

Oleh yang demikian, pembangunan generasi muda yang bakal menjadi penerus dimasa yang akan datang perlu mendapat perhatian serius. Kalau generasi muda Islam tidak dibangun sejak dini, maka harapan kegemilangan di masa hadapan akan semakin suram.

Artikel yang bertajuk "Membangun Generasi Muda Islam di Era Globalisasi" memberi tunjuk ajar yang sesuai bagi umat Islam untuk membentuk akhlak belia ke arah yang bersesuaian dengan tuntunan Islam. Pengukuhan akidah dan moral ke dalam jiwa belia muslim adalah tumpuan kajian artikel ini. Kedua-duanya adalah tunggak kekuatan prinsip hidup bagi seseorang muslim. Jika kedua-dua perkara ini disemaikan dalam diri belia muslim dengan sebaik-baiknya maka generasi masa hadapan adalah menggembirakan. Akan tetapi jika sebaliknya, maka akan muncullah generasi yang bingung, tak tentu arah dan tidak memiliki sebarang prinsip hidup.

Demikianlah paparan serba ringkas, tajuk-tajuk artikel yang terkandung dalam buku ini. Dengan pengantar ini diharapkan para pembaca dapat menikmati susunan dan korelasi (hubungan) kesemua tajuk yang dibincangkan. Buku ini merupakan terbitan pertama Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam (KUIM) sebagai langkah berani untuk memenuhi keperluan bacaan ilmiah masyarakat (KUIM) khususnya dan masyarakat intelektual Malaysia umumnya.

Semoga setitis ilmu anugerah daripada Allah yang Maha Alim yang tergores dalam buku ini melalui para penulis yang budiman, menjadikan penerbitan seperti ini berterusan mengikut perkembangan dan kemajuan KUIM di masa yang akan datang.

Amin Ya Rabbal Alamin.

PENYUNTING

PENYUMBANG ARTIKEL

1. Mohamed Asin Dollah ialah Profesor dan Dekan Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan Sm.P.I (UKM), M.Litt (Glasgow) dan Ph.D (Birmingham). Bidang pengkhususan beliau ialah pengajian agama, pengajian dakwah dan pemikiran Islam.
2. Muhammad Yusuf Khalid ialah pensyarah di Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (Madinah), M.A. (UIAM) dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah pengajian Dakwah, perbandingan agama dan tarekat tasawwuf.
3. Hersi Mohamed Hilole ialah pensyarah di Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (Jordan), S.P.I dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah pengajian falsafah, Dakwah Islam dan bahasa Arab.
4. Mohd Radhi Ibrahim ialah pensyarah di Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (al-Azhar) dan S.P.I (Malaya). Bidang pengkhususan beliau ialah pengajian usuluddin, dakwah dan al-Milal.
5. Irwan Mohd Subri ialah pensyarah di Fakulti Syariah Dan Kehakiman, Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (al-Azhar) dan S.P.I (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah pengajian syariah dan kaedah fiqh.
6. Syamsul Bahri Andi Galigo ialah pensyarah di Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (al-Azhar), M.A. (Kaherah) dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah pengajian akidah dan tasawwuf, Dakwah dan pemikiran Islam.

ISU DAKWAH DAN KEMANUSIAAN DALAM ERA GLOBALISASI

Bil.	Tajuk Artikel	Mukasurat
1.	Al-Razi's Interpretation of <i>Salat</i> in The Quran: A Psychological Examination	1 – 16
2.	Memahami Al-Qur'an sebagai Pedoman Hidup	17 – 26
3.	Konsep Kepimpinan dalam Pengurusan Islam	27 – 40
4.	Peranan Tarekat Tasawuf dalam Dakwah Islamiyah	41 – 54
5.	Permasalahan Sosial dan Penyelesaiannya Mengikut Perspektif Islam	55 – 66
6.	Pengaruh Syaitan, Iblis dan Jin dalam Kehidupan Manusia	67 – 85
7.	Membentuk Jati Diri Muslim di Era Globalisasi	86 – 97
8.	Membangun Generasi Muda Islam di Era Globalisasi	98 – 106

٩ العولمة الغربية والسلام العالمي في منظور إسلامي ٢٤ - ١

١٠ نحو منهج جديد لدراسة الفلسفة الإسلامية ٥٠ - ٢٥

AL-RAZI'S INTERPRETATION OF SALAT IN THE QURAN: A PSYCHOLOGICAL EXAMINATION

BY

MOHAMAED ASIN DOLLAH, *Ph.D*

INTRODUCTION

This article tries to examine the occurrence of the word *salat* in the Quran and its interpretation according to al-Razi's point of view. Al-Razi was born in 544H and died in Shawwal 606H (al-Dhahabi 1976, I: 290). He had a vast knowledge in various fields such as *tafsir*, *kalam*, *fiqh*, *mantiq*, *tabi'iyah*, *lughah* and philosophy. He wrote 67 books in various subjects one of which is *al-Tafsir al-Kabir* which is also known as *Mafatih al-Ghayb*. This book (commentary) has been published in 32 volumes (in 16).

THE MEANING OF SALAT IN THE QURAN

Based on al-Razi's commentary of the word *salat* in the Quran, we find that the word has five meanings: the obligatory prayer (*salat maktubah*), invocation (*dua'*), praise (*thana'*), religion or sometimes faith as well as humility and earnestness.

The obligatory prayer

It has been found that the majority of the occurrences of *salat* in the Quran refer to the obligatory prayer. Very often, the word *salat* is preceded by "*aqam*" and its various forms. With regard to the obligatory prayer, al-Razi has shown its primary importance in the Islamic worship.

At the beginning of al-Razi's treatment of *salat* in the Quran, he has spoken about the division of human action into two: work

ISU DAKWAH DAN KEMANUSIAAN DALAM ERA

Globalisasi

Dakwah islamiyah adalah sememangnya bersifat global, namun istilah globalisasi tajaan Barat yang difahami sekarang tidak semestinya selari dengan semangat islamiyah. Dengan membaca buku ini, kita akan dapat membezakan semangat globalisasi yang diperjuangkan di Barat dengan semangat dakwah islamiyah yang bersifat global. Timbulnya istilah globalisasi Barat adalah satu cabaran kepada dakwah islamiyah, kerana dakwah islamiyah bertujuan untuk membimbing dan mengembalikan umat manusia kepada fitrahnya sesuai dengan ajaran penciptanya, sementara globalisasi Barat bertujuan untuk mendedahkan manusia kepada satu nilai yang tidak pasti asal usulnya, dengan kata lain umat manusia akan menjadi bahan kaji uji dalam program globalisasi barat

Sejarah telah membuktikan bahawa dengan mengikuti ajaran para nabi umat manusia telah terselamat dalam kehidupan mereka. Persoalannya adakah manusia kini sanggup mempertaruhkan kehidupannya dengan menerima program globalisasi Barat yang belum terbukti kebaikannya untuk manusia sejagat? Buku ini memaparkan sepuluh tajuk berkaitan dengan dakwah islamiyah yang jelas menggambarkan sifat dakwah islamiyah sebagai satu usaha global untuk menyelamatkan umat manusia dari segi jasmaniah dan rohaniah sesuai dengan panduan yang diturunkan oleh Allah s.w.t.



FAJAR ULUNG SDN. BHD.
International Book Center
NO. 42G, JLN 6-21D, MEDAN IDAMAN
BATU 5 JLN GOMBAK 53100 KL. 03-40219023

ISBN. 983-9470-50-7